



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 9/2015
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERUBAHAN TANGGAGAJI SETIAUSAHA TETAP

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa tanggagaji bagi lantikan ke dalam jawatan Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap di dalam Perkhidmatan Awam Kerajaan adalah dikemaskinikan seperti berikut:

1. PERUBAHAN TANGGAGAJI SETIAUSAHA TETAP

- 1.1 Tanggagaji Setiausaha Tetap akan dibahagikan kepada dua (2) peringkat tanggagaji atau *tiers* seperti berikut:
 - a) Setiausaha Tetap (Gred A1): \$18,000.00; dan
 - b) Setiausaha Tetap (Gred A2): \$15,000.00.
- 1.2 Tanggagaji Gred A1 iaitu \$18,000.00 adalah *tier 2*, iaitu bagi kumpulan Setiausaha Tetap yang kanan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun yang mencapai penilaian prestasi yang cemerlang berdasarkan bukti-bukti pencapaian (*evident*) dan KPI yang jelas;
- 1.3 Tanggagaji Gred A2 iaitu \$15,000.00 adalah *tier 1* iaitu gaji permulaan bagi Setiausaha Tetap yang baru dilantik. Tanggagaji ini juga dikekalkan kepada Setiausaha Tetap yang tidak mencapai prestasi kerja yang dikehendaki atau disasarkan, meskipun ia dianggap *senior* dari aspek tempoh perkhidmatan selaku Setiausaha Tetap.

2. TATACARA PERLAKSANAAN

- 2.1 Bagi melaksanakan perubahan tanggagaji ini, agar penilaian dibuat secara bebas, objektif, adil dan saksama, dan dengan hasrat untuk meningkatkan lagi pemantauan prestasi bagi Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap di kesemua Kementerian, satu badan khas iaitu **Badan Penilai Tanggagaji dan Prestasi Setiausaha Tetap** ditubuhkan yang akan dipengerusikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

...../2



- 2 -

- 2.2 Antara peranan utama Badan Penilai ini ialah untuk melaksanakan penilaian prestasi ke atas semua Setiausaha Tetap di setiap Kementerian secara objektif, dan seterusnya membuat sokongan-sokongan yang bersesuaian termasuk bagi kenaikan tanggagaji bagi Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap yang dilantik dalam *tier 1*.
- 2.3 Bagi membantu penilaian dan penelitian oleh Badan Penilai ini, Yang Berhormat Menteri di Kementerian masing-masing akan menghadapkan sokongan kepada Badan ini mengikut format yang akan ditentukan, dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:
 - 2.3.1. Proses penilaian prestasi adalah merupakan proses berterusan sepanjang tahun dimana sebarang pencapaian dari segi dasar dan perlaksanaannya yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab Setiausaha Tetap berkenaan akan dicatat dan dinilai sebagai sebahagian daripada Penilaian formal.
 - 2.3.2. Kriteria Penilaian (*Review Criteria*) ke atas Setiausaha Tetap adalah berdasarkan kepada cadangan kerangka peningkatan prestasi bagi Setiausaha Tetap (*Performance Improvement Framework for Permanent Secretary*) yang akan ditetapkan oleh Badan Penilai.

3. SOKONGAN KENAIKAN TANGGAGAJI

- 3.1 Bagi Setiausaha Tetap yang baru dilantik, lantikan pertama dalam jawatan tersebut akan bermula pada *tier 1* (Gred A2) iaitu \$15,000.00.
 - 3.2 Setiap sokongan bagi kenaikan tanggagaji yang telah dinilai oleh Badan Penilai akan dihadapkan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Perkhidmatan Awam untuk disebarkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjunjung sebarang titah perkenan mengenainya.
4. Perubahan dan pengemaskinian tanggagaji Setiausaha Tetap ini berkuatkuasa pada 2 Jun 2015.

....3



- 3 -

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Bersatu Menjunjung Titah"

(YAHYA BIN HAJI IDRIS)

Setiasaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (9) JPM/SK/2015

Tarikh: 10 Syawal 1436

27 Julai 2015